

Bil. S 22

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Peraturan-peraturan di bawah bab 75)

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
(LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)
(PINDAAN), 2002

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Pindaan peraturan 18.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Peraturan-peraturan di bawah bab 75)

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
(LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)
(PINDAAN), 2002

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 75 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan-Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) (Pindaan), 2002.

Pindaan peraturan 18.

2. Peraturan 18 dari Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan-Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) adalah dipinda, dalam perenggan kecil (iii) perenggan *(b)*, dengan memotong "Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan" dan menggantikannya dengan "Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan atau Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, mengikut mana yang berkenaan".

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 10 haribulan April, 2002.

PEHIN ORANG KAYA LAILA WIJAYA DATO SERI SETIA
HAJI AWANG ABDUL AZIZ BIN BEGAWAN PEHIN UDANA KHATIB
DATO SERI PADUKA HAJI AWANG UMAR
Pemangku Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.